

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**



# Nyatakan pendirian secara rasional bukan emosi

**M**ahasiswa sering digambarkan sebagai pemimpin masa hadapan negara. Dalam erti kata lain golongan ini dilihat sebagai cerdik pandai yang akan menjadi pelapis kepemimpinan negara serta mampu menggalas tugas untuk meneruskan legasi kecemerlangan. Justeru, masyarakat masih memandang tinggi dan meletakkan harapan yang cukup besar terhadap golongan ini.

Mutakhir ini suara dan pandangan mahasiswa terhadap sesuatu isu baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa dilihat semakin lantang. Ini satu senario cukup menarik apabila kita kaitkan dengan kedudukan golongan ini sebagai kumpulan cerdik pandai dan suara generasi akan datang. Ringkasnya ia menampakkan betapa kita tidak ketandusan barisan pelapis pemimpin yang berani dan hebat.

Misalnya kita dapat lihat betapa golongan ini mampu menzahirkan rasa ketidakpuasan hati terhadap kekejaman yang dilakukan ke atas penduduk Islam di Asia Barat, terutama oleh regim zionis. Kita wajar memuji tindakan berani seperti ini yang juga menampakkan keprihatinan mahasiswa kepada isu global. Begitu juga halnya dengan beberapa isu dalam negara yang turut membabitkan peranan, tindakan dan juga suara mahasiswa. Antaranya isu peningkatan kos sara hidup rakyat. Ternyata kumpulan mahasiswa juga tidak terlepas daripada terkena tempias kenaikan kos sara hidup ini kerana mereka juga kumpulan pengguna atau rakyat marhain.

Akibatnya muncul beberapa gerakan mahupun kumpulan mahasiswa yang tampil menggelar diri mereka sebagai kumpulan mahasiswa yang prihatin dengan masalah rakyat dengan cuba mendesak kerajaan mengurangkan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan. Walaupun isu yang dibawa itu baik, dekat dengan hati rakyat serta mempunyai niat baik, namun apa yang menjadi persoalan ialah kaedah digunakan untuk menzahirkan rasa tidak bersetuju ataupun rasa tidak puas hati itu. Memang betul rakyat, termasuk mahasiswa cukup risau dengan peningkatan kos sara hidup yang agak mendadak, terutama selepas kerajaan mengumumkan rasionalisasi subsidi beberapa barangan keperluan dan perkhidmatan asas. Kenaikan tarif elektrik, tol, petrol serta tambang pengangkutan awam bakal menjejaskan kuasa beli rakyat.

Persoalannya apakah tindakan kita mengadakan demonstrasi dan perhimpunan haram satu-satunya kaedah terbaik untuk menyampaikan mesej kepada pihak kerajaan? Apatah lagi dengan tindakan segelintir mahasiswa yang sanggup berbaring mahupun berguling di atas jalan serta mencabar undang-undang dan pihak berkuasa.

Bukankah tindak tanduk seperti ini bakal menjejaskan kedudukan dan imej mahasiswa itu sendiri di mata rakyat? Sepatutnya sebagai golongan bijak pandai, mahasiswa lebih rasional dan bijak dalam menyampaikan rasa tidak puas hati mereka.

Pintu rundingan dan perbincangan secara musyawarah sentiasa terbuka dan wajar dijadikan pilihan yang utama. Kenapa perlu terus memilih untuk turun ke jalanan?

Janganlah sesekali terpengaruh dengan budaya tidak sihat yang cuba dibawa oleh pihak tidak bertanggungjawab yang akhirnya bakal merugikan dan menjejaskan masa hadapan mahasiswa sendiri. Budaya perhimpunan mahupun demonstrasi yang sering menjadi pilihan utama di negara luar seperti negara jiran kita Thailand tidak pernah menjanjikan sebarang kebaikan mahupun hasil memberangsangkan. Apakah kita lupa budaya seperti inilah yang menghancurkan sistem demokrasi di samping mencetuskan huru hara di Mesir dan Thailand. Jangan juga lupa akibatnya kehidupan rakyat mereka semakin teruk, parah dan cukup tidak selamat. Perpaduan rakyat dan negara hancur sama sekali.

Justeru, apakah kita mahu rakyat dan negara ini juga mengalami nasib yang sama? Ia tidak mustahil berlaku andai kita gagal mengurus emosi dan rasa tidak puas hati mahupun marah dengan bijak, matang dan rasional.

Kita akui zaman kerajaan tahu semua perkara sudah lama berlalu dan kita juga perlu akui kerajaan juga ada kelemahannya dan sebagai rakyat yang bertanggungjawab memang kita wajar memperbetulkan kesilapan secara bersama. Untuk itu gunakanlah saluran yang ada untuk memperbaiki keadaan. Kejayaan kita selama ini hasil kebijaksanaan pemimpin terdahulu yang dapat membentuk masyarakat majmuk yang bersatu padu dan sanggup berkompromi dan bertoleransi demi penyatuan nasional, keamanan dan keselamatan negara.

**Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM**